

Bil. S 19

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(Perintah di bawah bab 83(3) dan (5))

**PERINTAH DARURAT (PERBEKALAN TAMBAHAN) (MEMPERUNTUKKAN
DARIPADA KUMPULANWANG KEMAJUAN) (BIL. 1), 1998**

BAHAWASANYA Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan satu Pemasyhuran Darurat bertarikh 30 haribulan Julai, 1996 telah mengisytiharkan satu keadaan darurat dalam seluruh Negara ;

DAN BAHAWASANYA adalah dipersyaratkan oleh ceraian (3) dari bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa apabila satu Pemasyhuran Darurat telah dibuat dan selagi Pemasyhuran itu masih berkuatkuasa, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bolehlah membuat sebarang Perintah yang Baginda fikirkan perlu bagi kepentingan awam ;

DAN BAHAWASANYA adalah dipersyaratkan oleh ceraian (5) dari bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa kuasa-kuasa tersebut akan termasuk kuasa membuat peruntukan kewangan yang boleh jadi diperlukan di sepanjang tempoh darurat ;

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang enam ratus lima juta, satu ratus lapan puluh enam ribu dan enam ratus lapan puluh satu ringgit (\$605,186,681.00) telah diperuntukkan oleh Perintah Darurat (Memperuntukkan Daripada Kumpulanwang Kemajuan), 1997 ;

DAN BAHAWASANYA adalah sekarang perlu untuk mengadakan satu peruntukan tambahan sebanyak tiga ratus lima puluh dua juta, lapan puluh sembilan ribu, tiga ratus empat puluh tiga ringgit dan dua puluh lapan sen (\$352,089,343.28) ;

SEKARANG, DARI ITU, dalam menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepada Baginda oleh ceraian-ceraian (3) dan (5) dari bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah membuat Perintah seperti berikut :-

Gelaran.

1. Perintah ini bolehlah digelar sebagai Perintah Darurat (Perbekalan Tambahan) (Memperuntukkan Daripada Kumpulanwang Kemajuan) (Bil. 1), 1998.

2. (1) Peruntukan sejumlah wang selanjutnya yang tidak melebihi tiga ratus lima puluh dua juta, lapan puluh sembilan ribu tiga ratus empat puluh tiga ringgit dan dua puluh lapan sen (\$352,089,343.28) daripada Kumpulanwang Kemajuan adalah dengan ini dibenarkan. **Perbelanjaan Tambahan bagi Tahun 1998.**

(2) Wang tersebut adalah diperuntukkan bagi tujuan-tujuan seperti yang dinyatakan dalam Jadual. **Memperuntukkan.**

JADUAL

Tajuk	Gelaran	Jumlah Yang Diperuntukkan \$
707	Jalan Raya	94,071,535.32
710	Elektrik	27,267,000.00
714	Perumahan Kerajaan	17,131,720.10
717	Pembekalan Air	42,703,679.34
719	Bangunan Awam	63,530,681.00
720	Perumahan Negara	106,634,727.52
731	Pengaliran Air	750,000.00
		<u>\$352,089,343.28</u>

Diperbuat pada hari ini 18 haribulan Safar, 1419 Hijrah bersamaan dengan 13 haribulan Jun, 1998, di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM